

Headline	Kalau tidak kerana pelajaran, calon BN bagi Balingian hanya jadi penanam sago		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	17 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	22,425	Readership	134,550
Section	Semasa	Color	Black/white
Page No	8	ArticleSize	174 cm ²
AdValue	RM 345	PR Value	RM 1,035



Kalau tidak kerana pelajaran, calon BN bagi Balingian hanya jadi penanam sago

MUKAH: Kalau tidak kerana azamannya untuk maju dalam bidang akademik, berserta tekad untuk menambah baik nasib keluarga, mungkin Yussibnosh Balo tidak merasai apa yang dinikmatinya sekarang.

Dilahirkan dalam keluarga miskin yang bergantung hidup pada tanaman sago sebagai punca rezeki, anak sulung daripada lima beradik itu membesar dalam keadaan serba kekurangan.

Ketika usianya meningkat remaja, Yussibnosh lebih banyak memberi tumpuan terhadap pelajaran kerana ingin menjadi contoh yang baik kepada adik-adiknya. Usaha ini membuahkan hasil.

Hari ini, 'Buweh', panggilan mesra bagi Yussibnosh oleh penduduk kampungnya, menjadi calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Balingian pada 29 Mac.

Pemilihan ini bermakna beliau dianggap orang yang paling layak untuk menjadi wakil rakyat bagi penduduk Balingian.

"Pada saya, pelajaran sangat penting. Kalau tidak ada pelajaran, saya akan terus 'tumbang balau' (menebang pokok sago untuk mencari rezeki) hingga sekarang.

"Sama ada anda miskin atau berasal daripada keluarga kaya, pelajaran tetap penting. Sebab inilah saya ingin memberi tumpuan terhadap pelajaran dan pembangunan keluarga (sekiranya dipilih menjadi anggota dewan undangan negeri)," kata Yussibnosh ketika ditemui di Kampung Tellian, sebuah kampung tradisional Melanau tempat kelahirannya.

Memiliki ijazah dalam bidang pentadbiran awam daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), Yussibnosh, 48, berkata oleh kerana menyedari masalah kewangan yang dihadapi

keluarganya, beliau keberatan untuk belajar di luar negara.

Beliau melepaskan peluang itu walaupun muncul sebagai pelajar Tingkatan Lima terbaik di sekolahnya apabila memperoleh Gred Satu dalam peperiksaan Malaysian Certificate of Education (MCE).

"Pada masa itu, guru memberitahu saya supaya memohon melanjutkan pelajaran di luar negara, tapi kata saya keluarga saya tak ada wang. Bapa saya tak mampu," kata Yussibnosh ketika mengimbuai kembali kehidupannya pada masa lampau.

Bagaimanapun, beliau melanjutkan pelajaran Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Kerajaan Binatang, kini dikenali sebagai SMK Bintangor, sebelum mengikuti pengajian di UUM dan memperoleh ijazah pada 1991. - Bernama